

365 sekolah di Perak, Selangor terus tutup

Archival News | Berita Harian | 26/06/2013 | Author: Isyafiq Mad Desa; Nurul Fathihah Zakinan; Syafiq Adnan; Syafawani Salleh

Kuala Lumpur: Sebanyak 365 sekolah di tiga daerah di Selangor dan Perak ditutup hari ini, berikutan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) setakat jam 5 petang semalam, melebihi 250.

Penutupan itu membabitkan 131 sekolah di Klang dan 132 sekolah di Petaling Perdana, Selangor; selain 102 sekolah di Manjung, Perak. Bacaan IPU setakat jam 5 petang semalam menunjukkan Pelabuhan Klang mencecah tahap berbahaya 464, Seri Manjung 290 dan Shah Alam 252.

Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Abd Ghafar Mahmud, berkata Pengarah Pendidikan negeri terbabit diminta memaklumkan penutupan hari ini kepada sekolah berkenaan serta ibu bapa, selain mengulangi ketetapan bahawa sekolah boleh ditutup jika IPU melebihi 250 selepas dimaklumkan kepada kementerian.

"Jika bacaan IPU melebihi 300, sekolah wajib ditutup tanpa perlu memohon kebenaran kementerian," katanya.

Tinjauan BH di sekitar ibu negara semalam, mendapati aktiviti persekolahan berjalan seperti biasa meskipun lebih 80 peratus pelajar tidak hadir ke sesetengah sekolah akibat jerebu.

Majoriti pelajar tak hadir

Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Bandaraya, Noraizan Mohamed, berkata hanya 273 pelajar daripada 1,088 pelajar sekolah itu hadir semalam.

Di SK Bangsar, semua kelas dalam aliran sama digabungkan untuk proses pengajaran dan pembelajaran berikutan jumlah kehadiran yang rendah, manakala di SMK Sultan Abdul Samad, Petaling Jaya, tinjauan mendapati hanya 13 daripada 44 pelajar dalam satu kelas Tingkatan Dua hadir ke sekolah.

Di Shah Alam, sebanyak 203 sekolah menengah dan rendah di kawasan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Petaling Perdana dan Kuala Langat, ditutup bagi sesi pagi semalam selepas bacaan IPU menunjukkan daerah Shah Alam mencatatkan 289, manakala Banting, 292.

Sementara itu, Guru Besar Sekolah Kebangsaan Raja Muda (SKRM) Seksyen 4, Kamaruzzaman Yahya, berkata sesi pagi sekolah itu berjalan seperti biasa walaupun jadual waktu kelas terpaksa diubah suai dan penggabungan kelas dilakukan berikutan hampir separuh daripada 700 pelajar tidak hadir, manakala sesi petang pula terpaksa ditutup.

Di Perak, sebanyak 137 sekolah di daerah Hilir Perak membabitkan kawasan Teluk Intan, Sungai Manik, Langkap, Hutan Melintang dan Bagan Datoh serta 102 sekolah di daerah Manjung.

(END)

Source : Berita Harian